

**SIARAN AKHBAR**  
Untuk Siaran Segera

## **Great Eastern Takaful Anjurkan Webinar #GETAhead Hujung Minggu untuk Membantu Rakyat Malaysia Membina Semula Kerjaya Mereka**

17 Julai 2020, Kuala Lumpur – Bagi meningkatkan taraf kehidupan dan membantu rakyat Malaysia yang memerlukan, Great Eastern Takaful Berhad (GETB) akan mengadakan siri webinar #GETAhead hujung minggu ini untuk mereka yang terjejas ekonomi oleh pandemik COVID-19.

Pada hari Sabtu, penasihat-penasihat Takaful terbaik GETB akan berkongsi perjalanan kerjaya mereka, dengan tujuan untuk memberi inspirasi kepada peserta, terutamanya kepada mereka yang baru saja kehilangan pekerjaan.

Webinar pada hari Ahad ini pula terbuka kepada umum dan akan membicarakan tentang pengalaman hidup penceramah-penceramah dan artis jemputan dalam mengatasi rintangan dan memanfaatkan peluang baru di dalam kehidupan mereka.

“Kami amat prihatin kepada realiti semasa bahawa ramai rakyat Malaysia yang telah diberhentikan kerja terutamanya golongan muda disebabkan pandemik COVID-19. Sebahagian besar daripada golongan ini mengalami kesukaran untuk meneruskan kehidupan dan kerjaya mereka,” kata Puan Norizan Yahya, Ketua Jabatan Agihan Agensi Great Eastern Takaful Berhad.

“Tujuan kami mengadakan webinar ini selaras dengan seruan kami sebagai sebuah institusi Takaful, iaitu saling membantu mereka yang memerlukan. Kami juga menyedari hakikat bahawa penganjuran seminar secara besar-besaran bercanggah dengan saranan Kerajaan. Sehubungan itu, siri webinar atas talian ini dilaksanakan bagi memastikan GETB patuh kepada saranan tersebut disamping kekal aktif dalam membantu rakyat Malaysia. Kami ingin memberi inspirasi kepada golongan muda untuk terus maju dan tidak mudah berputus asa.” ujarnya lagi.

Senarai penceramah dan artis jemputan untuk acara Ahad ini adalah:

1. Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah, Pakar Motivasi, Selebriti TV & Usahawan
2. Haji Asri Ahmad, Mentor Pelaburan Saham #1 di Malaysia
3. Caprice, Artis, Usahawan & *Social Media Influencer*
4. Ahyat Ishak, Pengacara

Seramai 4,000 peserta dijangka akan menyertai Webinar #GETAhead hujung minggu ini yang akan disiarkan secara langsung dari Menara Great Eastern.

Webinar ini akan berlangsung pada 11.00 pagi sehingga 12.30 tengahari pada hari Ahad.

Untuk menyertai webinar ini, sila layari <https://bit.ly/3eGlsEp> atau emel ke [agencyrecruitment@greateastertakaful.com](mailto:agencyrecruitment@greateastertakaful.com).

---

Berkeajaan Great Eastern Takaful Berhad

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara I Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, syarikat ini telah berjaya melangkah jauh di mana ia dinamakan *Best New Islamic Institution* pada 2011; *Best New Takaful Institution* pada 2012; dan *Best Takaful Operator (Asia)* pada 2013 di Islamic Business & Finance Awards di Dubai. Pada tahun 2018, Great Eastern Takaful Berhad dianugerahkan *Fastest Growing Takaful Company in Malaysia* oleh International Finance, sebuah terbitan analisis dan perniagaan premium di United Kingdom dan *Takaful Solutions Provider of the Year - South East Asia Award* oleh Wealth & Finance International dari United Kingdom.

---

Untuk pertanyaan media, sila emel : [annjennifergomez@greateastertakaful.com](mailto:annjennifergomez@greateastertakaful.com)

**Great Eastern Takaful Berhad** (916257-H)

Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur